



**KENYATAAN MEDIA
YAB TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD
PERDANA MENTERI MALAYSIA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KHAS KABINET
MENGENAI ANTI RASUAH (JKKMAR) 3/2019
14 MEI 2019**

1. Saya telah mempengerusikan mesyuarat kali yang ke-8 Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuhah (JKKMAR) dan yang ke-3 tahun 2019.
2. Pada mesyuarat kali ini, kerajaan telah dimaklumkan satu berita baik, dimana kedudukan Malaysia dalam Laporan Corporate Governance Watch (CGW) telah menunjukkan peningkatan yang ketara dari tempat ketujuh (7) pada tahun 2016 ke tempat ke-4 teratas pada tahun lalu. Berdasarkan laporan CGW tersebut faktor utama peningkatan ini adalah disebabkan oleh iltizam dan kesungguhan kerajaan terhadap usaha pencegahan rasuhah yang menyeluruh telah mula dilaksanakan terutama dalam aspek governans, tadbir urus dan penguatkuasaan undang-undang. Ini merupakan satu pencapaian yang amat bermakna selaras dengan matlamat kerajaan yang diterjemahkan di dalam Pelan Anti Rasuhah Nasional (NACP). Untuk mengkordinasi usaha agar Malaysia terus cemerlang dalam CG Watch ini, kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu pasukan ‘Task Force’ yang akan dipengerusikan oleh Tan Sri Zeti Akhtar Aziz dengan dianggotai oleh agensi yang berkaitan.
3. Sebagai bukti komitmen dan akauntabiliti semua Menteri, Pusat Governans Integriti dan Anti Rasuhah Nasional (GIACC) hari ini

membawa **LIMA** cadangan kepada JKKMAR bagi memasukkan skop Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) dalam KPI Menteri , iaitu;

- i) **Pengisytiharan harta** – Semua Menteri harus pastikan anggota pentadbiran kementerian telah mengisytiharkan harta kepada SPRM.
 - ii) **Mewujudkan dan melaksanakan dasar penerimaan hadiah.-** Semua Menteri harus menandatangani akuanji mengeluarkan arahan dan memastikan pelaksanaan dasar berhubung penerimaan hadiah ini dilaksanakan.
 - iii) **Melaksanakan Pelan Antirasuah peringkat organisasi masing-masing-** Semua Menteri perlu menentukan Pelan Anti Rasuah organisasi masing-masing berjaya dibangunkan.
 - iv) **Mengadakan mesyuarat pemantapan governans, integriti dan antirasuah diperingkat kementerian** - YB Menteri mempergerusikan mesyuarat sekurang-kurangnya 2 kali setahun diperingkat kementerian masing-masing, dan
 - v) **Meningkatkan ketelusan perolehan awam dan pengurangan risiko rasuah** - YB Menteri perlu memastikan maklumat petender berjaya bagi perolehan tender terbuka yang diluluskan diperingkat Lembaga Perolehan Kementerian bagi semua kategori perolehan dipaparkan dalam portal myProcurement.
4. Sebanyak **9 kertas mesyuarat** telah dibincangkan yang memfokuskan kepada Janji Manifesto, cadangan-cadangan IRC dan inisiatif-inisiatif yang telah digariskan dalam Pelan Anti Rasuah Nasional 2019-2023 berkaitan dengan usaha untuk menambah baik governans dan integriti dalam memerangi rasuah.
 5. Keputusan-keputusan penting yang telah dicapai dalam mesyuarat JKKMAR Siri 8 ialah:

i. INISIATIF NACP 2.1.6: MEMBENTUK MEKANISME YANG KUKUH DAN EFEKTIF DALAM PROSES PENGELOUARAN PERMIT DAN LESEN DI KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Terdapat beberapa isu yang diketengahkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani membabitkan mekanisme proses pengeluaran permit dan lesen bagi hasil pertanian yang diimport antaranya penyalahgunaan kelulusan kuota, ketirisan, keselamatan makanan dan keupayaan penguatkuasaan.

JKKMAR secara prinsip bersetuju bahawa beberapa perkara perlu dilakukan antaranya pindaan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728), pertambahan anggota penguatkuasa MAQIS dan Pengukuhan infrastruktur penguatkuasaan (aset pemeriksaan, fasiliti & pusat tahanan bagi kontena yang ditahan). Kerajaan juga pada masa sama akan memantau tatacara penggunaan AP supaya tidak diselewengkan. Pemunya Lesen juga mesti mendedahkan pemilikan benefisiari.

Tadbir urus dan integriti membabitkan proses pengeluaran permit dan lesen di semua jabatan yang lain akan terus ditambah baik secara berterusan.

ii. INISIATIF NACP 3.1.2: MENINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN PEROLEHAN AWAM BAGI MEMASTIKAN PELAKSANAAN PROJEK BERDASARKAN NASIHAT DAN CADANGAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH JABATAN TEKNIKAL SEPERTI JABATAN KERJA RAYA DAN AGENSI TEKNIKAL BERKAITAN

Mesyuarat telah bersetuju secara prinsip bahawa semua projek kerajaan yang akan dilaksanakan perlu mendapat khidmat nasihat dan penilaian daripada Agensi Teknikal seperti Jabatan Kerja Raya supaya tidak berlaku lagi situasi dimana projek-projek besar di

dalam negara yang dibuat dengan tidak mengambil kira pandangan Jabatan Teknikal seperti dahulu. Peranan Jabatan Teknikal ini penting bagi memastikan penentuan projek diuruskan dengan telus dan berakauntabiliti.

iii. INISIATIF NACP 1.1.1: MERREFORMASI SISTEM PILIHAN RAYA DAN CADANGAN-CADANGAN JAWATANKUASA REFORMASI INSTITUSI (IRC) BERKAITAN SURUHANJAYA PILIHAN RAYA

Mesyuarat telah mengambil maklum mengenai status usaha reformasi system Pilihan Raya dimana Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) kini sedang dalam proses membuat ‘pembersihan’ data daftar pemilih melalui kerjasama strategik dengan Bank Negara Malaysia, institusi perbankan, Suruhanjaya Tenaga, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, syarikat telekomunikasi dan syarikat utiliti bagi tujuan semakan data.

- Nota : **'pembersihan'** : pengemaskinian data dan status pemilik

iv. STATUS KEMAJUAN PENUBUHAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (NACP 2.3.2)

Mesyuarat hari ini dimaklumkan mengenai Sistem Penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (SPPBT). Penubuhan Suruhanjaya ini dapat mengelakkan campurtangan pihak luar. Penubuhan Suruhanjaya ini dapat menjadikan penguatkuasaan undang-undang oleh pihak PBT dilaksanakan tanpa risiko ‘fear or favor’. Draf peruntukan undang-undang membabitkan penubuhan SPPBT ini dijangka akan dikemukakan akhir tahun ini kepada Jabatan Peguam Negara.

v. INISIATIF NACP 6.1.1: KAEADAH TAPISAN KEUTUHAN BAGI PEMILIHAN PENGURUSAN TERTINGGI DALAM ENTITI BERKEPENTINGAN KERAJAAN BAGI MEMUPUK TADBIR URUS BAIK DALAM ENTITI KORPORAT

Bagi meningkatkan integrity individu yang akan dilantik sebagai pengurus, Ketua Pegawai Eksekutif dan Ahli Lembaga Pengarah dalam Syarikat Berkepentingan Kerajaan kaedah tapisan yang dilaksanakan perlu ditambah baik dimana dengan memasukkan elemen:

- i) Tapisan Keutuhan Pengurusan SPRM
- ii) Semakan status kebankrapan dengan Jabatan Insolvensi
- iii) Semakan keatas penyertaan dalam mana-mana syarikat
- iv) Mengisyiharkan sekiranya terdapat ahli keluarga yang berkhidmat dalam syarikat ataupun yang terlibat dengan mana-mana perolehan membabitkan Syarikat Berkepentingan Kerajaan.
- v) Latar Belakang Pendidikan/Kesahihan Kelayakan Pendidikan Calon

vi. **INISIATIF NACP 2.1: MEMPERKUKUH KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM MELALUI PELAKSANAAN MYPORTFOLIO**

Sebagai salah satu inisiatif kearah memperkasa tadbir urus sektor awam dan bagi mengelakkan perkhidmatan awam terdedah dengan rasuah, setiap kakitangan awam perlu mempunyai satu system carta aliran kerja yang jelas dan teratur bagi mengurangkan risiko salahguna kuasa dan rasuah. Ia juga bertujuan mengelakkan aduan rakyat terhadap kelewatan dan tahap integriti penjawat awam dalam melaksanakan tugas. Oleh itu kerajaan telah melaksanakan Penggunaan Sistem Carta Aliran Kerja yang dikenali sebagai 'MyPortfolio' dalam perkhidmatan awam yang telah dilancarkan sebentar tadi.

Instrumen pengurusan strategic ‘*MyPortfolio*’ ini dilaksanakan oleh MAMPU, JPM bagi merekodkan prosedur kerja dan carta alir tugas jabatan bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam

vii. **JAWATANKUASA KHAS KABINET MENGENAI ANTI RASUAH TELAH MENGAMBIL MAKLUM MENGENAI STATUS KEMAJUAN BAGI PERKARA-PERKARA BERIKUT:**

- **BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG, JABATAN PERDANA MENTERI BERKAITAN PELAKSANAAN KEPUTUSAN KERAJAAN MENGENAI HAK ASASI MANUSIA DAN PERUNDANGAN;**
- **KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA MENGENAI INISIATIF NACP 5.2.3 UNTUK MENAMBAH BAIK SISTEM PENGAMBILAN PEKERJA ASING MELALUI PENGGUNAAN SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU EPPAX.**

6. Saya amat bersyukur kerana isu bantahan pihak PDRM kepada penubuhan IPCMC telah berjaya diselesaikan. Tahniah kepada pihak GIACC, terutama YBhg Tan Sri Abu Kassim bersama-sama dengan Ketua Polis Negara yang baharu, YBhg Datuk Seri Hamid Bador, di mana kedua-duanya telah berjaya berbincang dan menjelaskan kepada wakil persatuan-persatuan Polis tentang kepentingan untuk mewujudkan IPCMC bagi memulihkan imej PDRM di mata rakyat. Saya percaya, dengan penubuhan IPCMC, bukan hanya imej, malah kebajikan pihak polis juga akan turut dibela. Bagi anggota polis yang tidak melakukan kesalahan, saya rasa tidak ada apa yang perlu dikhuatirkan.

PEJABAT PERDANA MENTERI

PUTRAJAYA

14 MEI 2019